(114) – (116)

KKT&P : 100-4/16/ (113)

20 Februari 2006

Presiden
Majlis Perbandaran **Tawau**

Presiden
Majlis Perbandaran **Sandakan**

Pegawai Eksekutif,
Lembaga Bandaran **Kudat**

Pegawai Eksekutif,
Majlis -Majlis Daerah,
Beaufort , Kuala Penyu , Papar , Tenom , Penampang , Tuaran , Tambunan , Sipitang , Semporna , Keningau , Beluran , Kinabatangan , Kota Belud , Kota Marudu Kunak , Lahad Datu , Nabawan dan Ranau .

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL . 2/2006 - PELAKSANAAN KAEDAH BAYARAN MELALUI JURNAL TERHADAP BAYARAN BANTUAN RANCANGAN SALURAN NAJIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI BAWAH NOMBOR VOT : S 39 1900 0002

1. **TUJUAN PEKELILING**

1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai keputusan Kementerian untuk pelaksanaan kaedah bayaran Baucar Jurnal (JBN 06) terhadap bantuan rancangan saluran najis PBT.

1.2 Surat pekeliling ini juga adalah selaras dengan surat kebenaran daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah bil : JBNS : (C) NO : SAA /07/JLD. II / 290 bertarikh 03 Januari 2006 terhadap cadangan pelaksanaan kaedah baru ini .

2. **LATARBELAKANG**

2.1 Sejak tahun lepas, masalah pihak Jabatan Kerja Raya tidak dapat memungut hasil bayaran sewa saluran najis daripada semua PBT telah di bangkitkan oleh Kementerian Kewangan ke Kementerian ini . Di mana di laporkan juga bahawa jumlah tunggakan sewa saluran najis PBT dengan pihak Jabatan Kerja Raya meningkat setiap tahun walaupun pemberian (gran) telah di bayar oleh Kementerian ini kepada PBT. Maka , dengan demikian Kementerian ingin menyelesaikan masalah -masalah berbangkit melalui kaedah bayaran Baucar Jurnal

...m.s..2

Diterima pada 14/3/06
dgn hormat utk pengetahuan
DPK 14/3/06

3. **PROSEDUR PELAKSANAAN**

3.1 Semua tuntutan bayaran bantuan rancangan saluran najis hendaklah di kemukakan oleh semua pihak PBT ke Kementerian melalui Bil - Bil Asal (TF 07) daripada Bahagian Akaun , Jabatan Kerja Raya , Kota Kinabalu dengan pihak PBT adalah di kehendaki untuk membuat pengesahan bahawa kerja-kerja telah siap di laksanakan dengan memuaskan sebagai sokongan kepada Baucar Jurnal tersebut.

3.2 Penggunaan Baucar Jurnal yang di sedia oleh Bahagian Akaun , Kementerian ini tidak lagi melibatkan pembayaran / pengeluaran cek bayaran kepada semua PBT tetapi bayaran bantuan akan di kreditkan terus ke kod hasil , Jabatan Kerja Raya .

3.3 Bagi memudahkan semakan , di kehendaki supaya butir-butir pengesahan seperti di 3.1 adalah di buat dengan menggunakan cop getah dan di turunkan di mukasurat Bil tuntutan berkenaan.

4. **PENGUATKUASAAN**

4.1 Semua pegawai adalah dipertanggungjawabkan tentang pengesahaan yang telah di buat seperti 3.1 selaras **Arahan Perbendaharaan A.P 102 (a)** dan peraturan ini berkuatkuasa dengan **serta merta.**

5. **PENUTUP**

5.1 Jika ada kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini , sila berhubung terus kepada Akauntan Kanan , CIK PHAK SHIU LEN melalui telefon 088 - 256744 untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya.

Sekian dan terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH , CEKAP DAN AMANAH ***

[DATUK UJANG SULANI]
b.p Setiausaha Tetap

Psl/ndl/ 2006

S.k Pengarah Kerja Raya,
Jabatan Kerja Raya,
88582 , **Kota Kinabalu.**

S.k Bendahari Negeri,
Jabatan Bendahari Negeri,
88595, **Kota Kinabalu**

S.k Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan,
88593, **Kota Kinabalu**

S.k Pengarah Audit,
Jabatan Audit,
88513, **Kota Kinabalu**.

S.k Fail KKT & P : 200-4/4/0